

Latihan Pengukuhan Bab 3 : Dokumen Perniagaan

Pada 4 April 2016, Kedai Roti Johana telah menjual 400 sandwic kepada Kelab Mutiara secara kredit. Harga jualan ialah RM3 setiap sandwic. Diskaun niaga 5% diberikan. Syarat diskaun tunai adalah 10% 5 hari, 5% 10 hari.

Berpandukan maklumat yang diberi, lengkapkan invois berikut:

ASAL	INVOIS	No. dokumen: INV4021		
Kepada:	Tarikh:			
Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
Tolak Diskaun Niaga 5%				
JUMLAH				
Ringgit:				
Angkutan dibayar				
K. & K. di K.				
<i>Robert</i> (Penerima)			<i>Alex</i> (Pengurus)	

Cik Stacy baru sahaja membuka Kedai Alat Sukan Stacy pada 16 Julai 2016. Untuk mempopularkan perniagaan barunya serta untuk melariskan jualan, Cik Stacy bercadang untuk menawarkan diskaun niaga dan diskaun tunai yang menarik seperti berikut:

- diskaun niaga 5% diberikan atas pembelian melebihi RM2 000 dan 10% atas pembelian melebihi RM5 000;
- diskaun tunai 2% 7 hari.

Pada 20 Julai 2016, Kelab Badminton Juara telah membeli 30 unit raket badminton berharga RM230 seunit. Pembelian adalah secara kredit.

Pada 26 Julai 2016, Kelab Badminton Juara menjelaskan invois dengan tunai.

Hitung:

- (a) Diskaun niaga yang diberikan kepada Kelab Badminton Juara.
- (b) Diskaun tunai yang diberikan kepada Kelab Badminton Juara.
- (c) Bayaran yang perlu dibuat oleh Kelab Badminton Juara.